


Headline	IKTIRAF WARGA FRIM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	179,231
Page No	7	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	805 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 31,591
Frequency	Daily	PR Value	RM 94,773



RENCANA

Mohamad Hussin
mohamad_hussin@
hmetro.com.my

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menganjurkan Hari Inovasi FRIM 2017 bertemakan 'Inovasi Penggerak Komersialisasi' selari dengan iltizam FRIM untuk menjana pendapatan ke atas nilai dapatan penyelidikan dan khidmat teknikal.

La turut memberi pengiktirafan kepada bahagian dan warga FRIM yang berjaya menentang aktiviti inovasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan, bergiat aktif dalam membentuk persekitaran kerja yang kondusif untuk menggalakkan aktiviti inovasi di FRIM.

Begitu juga dengan pegawai yang berjaya mempromosikan inovasi

ciptaan mereka bagi tujuan komersialisasi di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Alam Sekitar), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Azimuudin Bahari berkata, majlis ini kemuncak penghargaan dan pengiktirafan tertinggi kepada warga FRIM yang menunjukkan perkhidmatan cemerlang. Ini sekali gus memastikan FRIM sentiasa mendahului dalam membudayakan inovasi.

Beliau berkata, ia juga untuk mencapai standard dan kualiti yang dapat memenuhi kehendak serta matlamat masyarakat umum khususnya pemegang taruh FRIM.

"Kejayaan memang sukar dicapai, tetapi untuk mengekalkan kejayaan adalah jauh lebih sukar dan mencabar. Sebenarnya setiap kejayaan FRIM sangat bergantung pada seluruh

warganya yang sentiasa peka dan bertindak dalam memastikan sejauh mana usaha kreativiti dan inovasi diteruskan.

"Tema Inovasi Penggerak Komersialisasi diangkat sebagai satu tanda FRIM sentiasa bersedia untuk 'mengubah' landskap penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang menjurus kepada komersialisasi.

"Ia adalah usaha supaya Malaysia dapat mencapai status negara maju yang berteraskan R&D dan k-ekonomi pada masa akan datang," katanya selepas merasmikan Hari Inovasi FRIM 2017 di Kepong, baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) FRIM Dr Ismail Harun; Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FRIM Datuk Dr Rahim Sudin dan Pengarah Bahagian Inovasi dan Komersialisasi FRIM Dr

Khali Aziz Hamzah.

Sementara itu, Abd Latif berkata, pada 4 Ogos lalu menyaksikan penubuhan anak syarikat FRIM iaitu FRIM Incorporated Sdn Bhd (FRIM Inc.) yang diwujudkan bagi membantu FRIM mengkomersialkan hasil R&D.

"FRIM Inc. akan bertindak sebagai pemasar FRIM untuk mentadbir urusan dengan lebih berkesan dan berdaya maju dalam memperoleh pendapatan melalui aktiviti komersialisasi FRIM.

"Saya berharap penyelidik akan membantu menyajikan aktiviti komersialisasi FRIM dengan menghasilkan output penyelidikan yang berteraskan aplikasi dan memenuhi kehendak pihak berkepentingan FRIM.

"Usaha ini dilihat bukan saja dapat merangsang aktiviti komersialisasi FRIM, malah ia akan menjadikan FRIM sebagai sebuah institusi yang akan dapat mengurangkan ketergantungan kepada sumber kewangan kerajaan pada masa akan datang dan membantu Malaysia mencapai status negara maju yang berpendapatan tinggi," katanya.

Tiga reka cipta memenangi Pingat Emas bagi Pertandingan Rekacipta dan Inovasi 2017 adalah: 'Compost for Acclimatization of Elite Clone Kacip Fatimah (FaFaFQI)' oleh pasukan penyelidik yang diketuai Dr Farah Fazwa Md Arif; 'Formula Aedes Biobased Fuel (ABBF), Dr Wan Asma Ibrahim dan 'Cross-laminated Timber Product from Malaysian Tropical Hardwood Timber Sesenduk (Endospermum malaccense sp.)'.

Pertandingan yang diadakan sempena Hari Inovasi FRIM 2017 membabitkan 25 penyertaan.

Hari Inovasi
FRIM
2017 beri
penghargaan
pada
kakitangan,
galakkan
aktiviti
inovasi

IKTIRAF WARGA FRIM

DR Abdul Latif (dua dari kiri) menyampaikan Anugerah Inovasi Terbaik FRIM kepada Dr Hamdan Hussain.



KUMPULAN reka cipta daripada raja kayu kepada produk, Khairul Maseat (kiri), Mohd Nazri Abd Latiff dan Muhammad Adzam Ahmad.



PEGAUAI Penyelidik Kanan FRIM, Dr Rushdan Ibrahim bersama rekaciptanya penghasilan kertas dari pulpa batang pisang.



KUMPULAN reka cipta untuk pengukur Hujan H20 (dari kiri) Mohd Azhari Faidi, Shahzerul Hisam, Siti Aisah Shamsuddin dan Rashidah Hassim.